

# Malaysia gesa dunia tuntutan pengunduran tentera Vietnam

UM 19 APR 1983

DHAKA, 18 April - Malaysia hari ini menggesa masyarakat dunia supaya dengan tegas menuntut pengunduran tentera Vietnam dari Kampuchea dan memberhentikan kegiatan yang bermusuhan di sempadan Thailand-Kampuchea.

Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, yang kini berada di ibu negara Bangladesh ini, juga mende-sak Amerika Syarikat, negara pembekal senjata kepada Israel, supaya mengenakan tekanan yang perlu ke atas Israel untuk memaksanya berundur dari Lebanon.

Berucap di majlis malam yang diberikan oleh Presiden Majlis Menteri Bangladesh, Lt. Jeneral H.M. Ershad di sini malam ini, beliau juga menyatakan bahawa:

## Dari Abdullah Hassan

KETUA PENYUNTING UTUSAN MALAYSIA

• ASEAN dan negara-negara serantau tidak akan dapat menumpukan usaha mereka kepada pembangunan sosial dan ekonomi sekiranya keadaan di Asia Tenggara tidak kembali aman dan stabil dengan segera;

• Malaysia mengutuk serangan Vietnam ke atas angkatan tentera Demokratik Kampuchea dan penduduk Khmer yang tidak berdosa dan mengutuk pencerobohan Vietnam ke atas bumi Thailand.

• Negara-negara yang sedang membangun harus mencari jalan dengan segera untuk mewujudkan kerjasama bentuk baru berdasarkan semangat dialog selatan-selatan supaya kekuatannya dapat diperkukuh untuk tawar-menawar

dengan negara-negara maju;

• Malaysia yang telah berjaya mengumpulkan pengalamannya dari kepelbagaian ekonomi negara bersedia berkongsi pengalaman itu dengan negara-negara lain yang sedang membangun dan yang memerlukan pembangunan yang seumpama.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, isu Kampuchea merupakan suatu ancaman yang serius terhadap keamanan dan kestabilan di rantau Asia Tenggara dan pendudukan tentera Vietnam yang berpanjangan dan tidak sah itu adalah halangan serius kepada kejayaan konsep aman, bebas dan berkecuali (ZOPFAN).

"Kami tidak dapat dan tidak akan menerima

campur tangan tentera sesebuah negara ke atas Kampuchea atau di mana-mana negara sebagai salah satu cara untuk menyelesaikan pertelingkahan.

"Isu Kampuchea hendaklah diselesaikan dengan segera dan berdasarkan deklarasinya persidangan antarabangsa mengenai Kampuchea dan usul-usul lain Bangsa-Bangsa Bersatu," tegasnya.

Perdana Menteri menambah, Malaysia yakin bahawa kerajaan pimpinan Putera Norodom Sihanouk layak menerima sokongan penuh masyarakat dunia dan sokongan Bangladesh kepada kerajaan itu sangatlah dihargai.

Datuk Sri Dr. Mahathir akan berada di negara ini selama lima hari dan lawatan rasmi ini adalah atas jemputan Leftenan Jeneral, H.M. Ershad.

Menurut beliau lagi, pencerobohan Vietnam ke atas bumi Thailand dekat sempadan Kampuchea sering berlaku sejak dahulu lagi dan Malaysia bimbang bahawa perbuatan itu akan terus berlaku selagi Vietnam kekal menduduki Kampuchea.

Tegasnya, kegiatan tentera Vietnam di sempadan Thailand-Kampuchea itu akan membangkitkan perang yang lebih besar dan mengajak penglibatan kuasa-kuasa besar.